

D.R. 14/2016

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa di sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan persetujuan Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* Negeri.

(4) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen baharu 20B

2. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20A seksyen yang berikut:

“Kewajipan untuk mendapatkan nasihat

20B. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 20A, hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis mengenai cadangan pemajuan yang berhubungan dengan—

- (a) apa-apa penebusgunaan pinggir laut tidak termasuk penebusgunaan bagi pembinaan jeti atau pemulihan pantai; dan
- (b) apa-apa pembinaan infrastruktur utama negara termasuklah—
 - (i) lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuh raya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik; dan
 - (ii) infrastruktur lain yang berkepentingan negara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Bagi maksud mendapatkan nasihat Majlis di bawah subseksyen (1), jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan kepada Majlis cadangan pemajuan itu bersama dengan suatu laporan penilaian impak sosial dan laporan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 21A

3. Seksyen 21A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) analisis dan langkah-langkah mitigasi bagi impak sosial dan impak lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan;” dan

- (b) dengan memotong subseksyen (1A).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (“Akta 172”).

2. *Fasal 1* bertujuan untuk memperuntukkan tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 20B ke dalam Akta 172.

Subseksyen 20B(1) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis mengenai cadangan pemajuan yang berhubungan dengan apa-apa penebusgunaan pinggir laut tidak termasuk penebusgunaan bagi pembinaan jeti atau pemulihan pantai, dan pembinaan infrastruktur utama negara termasuklah lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuh raya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik, dan infrastruktur lain yang berkepentingan negara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Kewajipan untuk mendapatkan nasihat Majlis dikenakan kerana potensi impak pembangunan itu terutamanya terhadap alam sekitar, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi negara dan Negeri. Pada peringkat negara, Majlis akan dapat memberikan nasihat mengenai cadangan pemajuan dalam rangka dasar negara terutamanya dari segi penyelarasan antara Negeri-Negeri dan mengoptimumkan penggunaan sumber semula jadi dan kewangan. Kewajipan ini adalah selaras dengan kewajipan yang dikenakan ke atas Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah subseksyen 22(2A) dan (2B) Akta 172 yang sedia ada.

Subseksyen 20B(2) yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mengemukakan kepada Majlis cadangan pemajuan bersama dengan laporan penilaian impak sosial dan laporan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis bagi maksud mendapatkan nasihat Majlis di bawah subseksyen 20B(1) yang dicadangkan. Kehendak supaya laporan penilaian impak sosial dan laporan lain dikemukakan kepada Majlis adalah untuk membolehkan Majlis memberikan nasihat yang sewajarnya mengenai cadangan pemajuan berdasarkan laporan-laporan yang dibuat itu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 21A Akta 172. *Subfasal 3(a)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 21A(ea) ke dalam Akta 172 untuk menghendaki kandungan laporan cadangan pemajuan dimasukkan juga analisis dan langkah-langkah mitigasi bagi impak sosial dan impak lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan. Analisis dan langkah-langkah mitigasi bagi impak sosial dan impak lain adalah penting untuk memastikan cadangan pemajuan disediakan setelah mengambil kira keperluan penduduk setempat dan impak sosial yang negatif terhadap penduduk setempat.

Rang Undang-Undang

Subfasal 3(b) bertujuan untuk memotong subseksyen 21A(1A) Akta 172 yang sedia ada untuk meniadakan kuasa budi bicara Pihak Berkuasa Negeri dalam menghendaki suatu analisis implikasi sosial dimasukkan dalam laporan cadangan pemajuan. Pindaan yang dicadangkan ini berbangkit daripada pindaan dalam *subfasal 3(a)*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3023]